

# Pelabuhan Labuan tetap bebas dari cukai: PM

LABUAN, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini memberi jaminan bahawa pelabuhan Labuan akan dikekalkan sebagai pelabuhan bebas cukai.

Perdana Menteri berkata, taraf pelabuhan bebas cukai perlu dikekalkan untuk memberi kemudahan dan menjimatkan belanja penduduk pulau itu.

"Penduduk Labuan sebenarnya bernasib baik kerana dapat membeli barang lebih murah dan tidak perlu membayar cukai, dibandingkan penduduk

lain, yang datang berbelanja di pulau ini," kata Datuk Seri Dr Mahathir di majlis perasmian projek menaik taraf rangkaian jalan raya seluruh Labuan di sini pagi tadi.

"Sekiranya penduduk tempat lain memperoleh pendapatan \$100, penduduk Labuan berpendapatan \$125 atau jika penduduk lain berpendapatan \$1,000, penduduk Labuan berpendapatan \$1,250. Itulah maksud bebas cukai," kata Perdana Menteri.

Menurut beliau, penduduk Labuan harus menyedari perkara itu dan menerima hakikat bahawa mereka masih bernasib baik daripada penduduk tempat lain.

Beliau berkata, kerajaan sudah lama bercadang menjadikan Labuan sebagai pusat pelancongan dan pelajaran.

Katanya, sektor swasta dipelawa membabitkan diri secara cergas untuk memajukan dua bidang itu.

"Kerajaan tidak mempunyai kewangan yang mencukupi dan sektor swasta diharap merebut peluang itu untuk memajukannya demi kepentingan rakyat di pulau ini," katanya.

Perdana Menteri berkata, dengan pembabitan sektor swasta secara bersungguh-sungguh projek itu dapat menjimatkan perbelanjaan kerajaan.

Katanya, pembabitan sektor swasta juga dapat mewujudkan peluang pekerjaan kepada belia-belia yang menganggur di pulau itu.